

TEKS UCAPAN

PROFESOR Ir. DR. GHAZALI OMAR

MENJALANKAN FUNGSI NAIB CANSELOR

Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Kempen ‘Cashless Campus, UTeM

15 November 2021, (Isnin), 11.00 pagi, Bilik Jamuan Mesyuarat Utama, Canselori

Terima kasih saudara saudari pengacara majlis,

Yang Berbahagia Profesor Dr. Zulkifilie bin Ibrahim

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Yang Berbahagia Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong-Penolong Naib Canselor

Yang Berusaha Encik Mohd Isa bin Mohd Dom

Ketua pegawai Maklumat

Yang Berusaha Puan Norhazlena Binti Sabtu

Pengarah Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK)

Yang Berusaha Encik Firdaus Bin Ghani

Pengarah, Bahagian Pengurusan Pihak Berkepentingan Payments Network Malaysia (Paynet)

Yang Berusaha En Ahdan Shariff Bin Muhammad

Pengurus Kanan, Pusat Kad Bank Islam

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, hadirin dan hadirat sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, pertama sekali, marilah kita panjatkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah Taa'la, di atas izin-Nya, kita berpeluang hadir dan berkumpul secara fizikal pada hari ini bagi menyempurnakan Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Kempem Cashless Campus UTeM, yang sebelum ini telah tertangguh sebanyak tiga kali kerana situasi PKP yang tidak mengizinkan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

2. Sebagai sebuah Universiti Teknikal, UTeM hendaklah sentiasa pantas dan ke terhadapan selari dengan perkembangan semasa era digital masa kini. Pelaksanaan Kempen Cashless Campus di UTeM merupakan sebuah inisiatif yang sangat baik sejajar dengan hasrat Universiti menerusi UTeM's Seven Strategic Goals 2021 sehingga 2025 menerusi matlamat ke tujuh iaitu Smart and Dynamic Campus.
3. Kempen Cashless Campus ini telah mendapat kerjasama baik dari pihak Payment Network Malaysia (PayNet) dan Bank Islam Malaysia Berhad, telah dilancarkan pada 27 September 2019 oleh YAB Ketua Menteri Melaka pada ketika itu, dan telah pun berakhir pada 29 Februari 2020.

4. Alhamdulillah, saya melihat pelaksanaan kempen ini di UTeM telah dilaksanakan dengan jayanya, menerusi pelbagai inisiatif dan usaha bersama penglibatan dari semua pihak bermula dari Januari 2018 lagi. Antara inisiatifnya adalah menerusi penggunaan kad matrik pelajar dan staf yang berdasarkan kad bank atau kad debit yang bersifat pelbagai fungsi penggunaan, iaitu sebagai kad ID, kad akses pintu pejabat, akses penggunaan perkhidmatan perpustakaan, dan juga merupakan kad bank untuk urusan ATM atau membuat bayaran secara ‘paywave’.
5. Selain itu, pihak Pengurusan Universiti juga turut menguatkuasakan pembayaran dan penerimaan secara ‘cashless’ di semua kaunter

perkhidmatan universiti bagi pembayaran yuran, dan pelbagai hasil universiti yang lain.

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian,

6. Saya difahamkan, sambutan kempen Cashless Campus UTeM telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan. Pada peringkat awal 6 bulan pelaksanaan, sebanyak 98,561 transaksi berjumlah RM6.9 juta telah dilaksanakan di dalam kampus.
7. Warga UTeM yang bertuah juga telah menerima hadiah cabutan bulanan sebanyak lima kali dan cabutan pemenang pertama yang telah dilaksanakan pada Mac 2020.
8. Dan, pada majlis hari ini pula, pihak universiti akan menyampaikan hadiah kepada tiga pemenang utama bagi kategori MyDebit dan Jompay atau FPX serta dua pemenang bagi kategori peniaga.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

9. Bagi pihak pengurusan Universiti, saya berharap agar budaya cashless campus di Universiti ini tidak akan terhenti dan akan berterusan selamanya.
10. Berkat kerjasama, komitmen dan usaha kita bersama selama ini, alhamdulillah, UTeM telah menerima anugerah *Innovation in e-Payment for Education Sector* pada tahun 2020 bersempena dengan Malaysian e-Payments Excellence Award 2020.

11. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Bank Islam Malaysia Berhad kerana telah menjadi rakan strategik UTeM sejak dari tahun 2017 dan bersama-sama membantu UTeM dalam menyediakan hampir 40 terminal pembayaran secara ‘*Paywave*’ dengan percuma di seluruh kaunter dan Café di UTeM.
12. Selain itu, setinggi-tinggi terima kasih juga diucapkan kepada Payment Networks Malaysia atay PayNet, iaitu sebuah organisasi yang mempromosikan aktiviti ‘*Cashless*’ di Malaysia kerana telah menyalurkan dana sebanyak 100,000.00 Ringgit Malaysia kepada UTeM bagi merealisasikan inisiatif cahsless campus UTeM ini.

13. Ucapan syabas dan tahniah juga diucapkan kepada Ketua Pegawai Maklumat UTeM, Pengarah PPPK dan semua ahli Jawatankuasa Penganjuran di atas segala usaha dan komitmen dalam menjayakan program ini.
14. Insya Allah, UTeM akan menganjurkan lebih banyak lagi program-program berimpak seumpama ini pada masa akan datang, demi kualiti dan kesejahteraan ekosistem yang lebih efisien dan mapan.

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wrt. wbt.* Terima kasih.